

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

Dapatkan surat kebenaran polis


Oleh Nor Azizah Mokhtar dan
Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ibu bapa dan pasangan jarak jauh lengkap dua dos vaksin COVID-19 yang mahu merentas daerah atau negeri untuk bertemu anak bawah umur 18 tahun dan pasangan masing-masing perlu mendapatkan kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum melakukan perjalanan.

Semakan *BH* dalam laman web Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai peraturan dan garis panduan berhubung perjalanan rentas daerah dan negeri yang dimuat naik semalam, menetapkan ibu bapa dan pasangan jarak jauh lengkap dua dos vaksin perlu memohon kebenaran PDRM.

Ibu bapa perlu mengemukakan salinan kad pengenalan masing-masing dan sijil atau dokumen kelahiran anak, salinan sijil digital vaksinasi COVID-19 ibu dan bapa atau penjaga serta maklumat persekolahan anak (sekiranya berkaitan).

Bagi pasangan jarak jauh pula, mereka perlu mengemukakan salinan kad pengenalan suami dan isteri, salinan sijil atau kad pernikahan, salinan sijil digital vaksinasi COVID-19 suami dan isteri serta salinan dokumen bukti tempat tinggal suami atau isteri atau surat pengesahan majikan.



Anggota polis, Koperal Azuraida Md Nor meneliti dokumen pemandu kereta, termasuk memeriksa sijil digital vaksinasi yang mengesahkan sudah menerima dua dos suntikan vaksin sebelum membenarkan pasangan jarak jauh merentas negeri dalam pemeriksaan di sekatan jalan raya di Plaza Tol Bentong, semalam.

(Foto Fathil Astri/ BH)

Nasional 2

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Tindakan tegas pihak palsu sijil digital vaksinasi

Dari Muka 1

Menurut peraturan dan garis panduan MKN itu, mereka perlu menunjukkan surat kelulusan dikeluarkan PDRM ketika melalui sekatan jalan raya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Zainal Abidin Kasim, berkata ibu bapa dan pasangan jarak jauh digalakkan mendapatkan surat

kebenaran polis bagi mengelak sebarang isu ketika perjalanan.

"Ya seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri tempoh hari, mereka (ibu bapa dan pasangan jarak jauh lengkap dua dos vaksin) perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan kriteria ditetapkan, termasuk menunjukkan sijil digital vaksinasi COVID-19.

"Bagaimanapun, mereka dinasihatkan mendapatkan surat kebenaran daripada PDRM bagi melancarkan perjalanan ma-

sing-masing. Sebaik-baiknya dapatkan surat kebenaran PDRM itu dan bawalah bersama dokumen yang berkaitan," katanya kepada *BH*, semalam.

Jelas beliau, keperluan untuk mendapatkan surat kebenaran PDRM itu bagi mengelak ibu bapa dan pasangan jarak jauh berhadapan kesulitan sekiranya tujuan perjalanan mereka dipersoalkan pihak berkuasa atau pasukan keselamatan lain selain PDRM.

"Petugas PDRM di sekatan jalan raya pasti akan menyoal tujuan perjalanan mereka dan memeriksa sijil digital lengkap dua dos vaksin di aplikasi MySejahtera, dan cukup atau tidak kriteria yang ditetapkan dalam SOP.

"Namun, kita bimbang juga akan ada timbul kekeliruan, kerana mungkin timbul interpretasi (tafsiran) berbeza di peringkat bawahan atau pasukan keselamatan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan sebagainya," katanya.

Ahad lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan beberapa kelonggaran diberikan kepada penerima lengkap dua dos vaksin COVID-19 di seluruh negara dan terpakai ke atas semua fasa di dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuat kuasa semalam.

Antaranya ialah, pasangan jarak jauh lengkap dua dos dibenarkan rentas daerah dan negeri bertemu pasangan masing-masing dan ibu bapa lengkap dua dos dibenarkan rentas daerah atau negeri berjumpa anak di bawah

umur 18 tahun.

Bagaimanapun, kelonggaran itu hanya terpakai buat penerima dos lengkap dan memenuhi kriteria ditetapkan iaitu melepasi hari ke-14 daripada tarikh suntikan dos kedua untuk penerima vaksin Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac.

Bagi penerima vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan iaitu vaksin Johnson & Johnson dan CanSino perlu melepasi hari ke-28 daripada tarikh suntikan.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan (KKM) memberi amaran tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana pihak yang memalsukan sijil digital vaksinasi dalam aplikasi MySejahtera.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata bahagian penguatkuasaan KKM dan pihak berkuasa lain memandang serius perbuatan menipu sijil itu dan akan bertindak bagi membendung perbuatan tidak bermoral itu.

"Orang yang nak menipu, mesti ada banyak cara untuk berbuat demikian dan termasuk cuba me-

malsukan sijil vaksin ini.

"Bagaimanapun saya yakin pihak MySejahtera serius menangani perkara ini dan pihak penguatkuasaan KKM akan mengambil tindakan keras terhadap pihak atau individu yang berbuat demikian," katanya ditemui selepas melawat pusat vaksinasi untuk warga pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abu Bakar Al-Baqir di Bagan Serai, semalam.

Sempena program itu, seramai 1,500 warga pendidik sekitar Kerian, termasuk petugas am, pekerja kantin, operator bas menerima suntikan vaksin dos pertama.

Dr Noor Azmi berkata, pihaknya juga akan membawa isu pemalsuan itu ke mesyuarat khas KKM bagi membincangkan kaedah atau cara yang boleh mantapkan dan mengesan kejiwaan sijil vaksinasi.

Kelmarin, media melaporkan polis Kelantan mengingatkan orang ramai agar tidak menyalahgunakan kelonggaran SOP rentas negeri dan daerah dengan mengemukakan dokumen atau sijil vaksinasi palsu.

Saya yakin pihak MySejahtera serius menangani perkara ini dan pihak penguatkuasaan KKM akan mengambil tindakan keras terhadap pihak atau individu yang berbuat demikian

Dr Noor Azmi Ghazali,
Timbalan Menteri Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kematian pertama akibat jangkitan wabak di Parlimen

Lapan sampel sudah dihantar ke IMR, lima disahkan ada varian Delta

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, satu kes kematian akibat COVID-19 dilaporkan berlaku kelmarin, membabitkan pesakit yang hadir di bangunan Parlimen, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadi kematian pertama membabitkan individu yang menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

"Kes kematian yang dinyatakan ini membabitkan pegawai tinggi kerajaan yang mem-

punyai sejarah hadir di Parlimen pada 26 hingga 29 Julai lalu. Ujian saringan Pra-Dewan Rakyat yang dijalankan ke atasnya pada 23 Julai dan saringan menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 pada 29 Julai lalu adalah negatif.

"Beliau kemudiannya menunjukkan gejala pada 31 Julai dan positif ujian Polimerase-Transkripsi Terbalik (RT-PCR) dengan nilai kitaran ambang 14.88.

"Keadaan beliau bertambah teruk dan dimasukkan ke hospital pada 4 Ogos lalu untuk rawatan lanjut. Namun, keadaannya amat kritikal dan meninggal dunia semalam (kelmarin)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hasil siasatan, pihaknya mendapati walaupun kes positif berkenaan tidak mempunyai hubung kait di antara satu sama lain kecuali

li kontak rapat, perkongsian bilik dan kemudahan asas seperti tandas, surau dan ruang makan oleh ramai individu memberi risiko kepada penularan jangkitan COVID-19 di Parlimen.

Beliau berkata, kes kematian itu adalah satu daripada sembilan kes baharu yang dikesan semalam, berkait dengan sidang Parlimen.

Ia menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di bangunan terbabit kini sudah 97 kes.

Memperincikan mengenai kes baharu itu, Dr Noor Hisham berkata, empat kes masing-masing adalah kontak rapat kepada kes positif yang disaring ketika Pra-



Jaimin Samitah

Dewan Rakyat dan ketika persidangan.

"Bagi kontak rapat bagi kes positif yang disaring ketika Pra-Dewan Rakyat, mereka dilaporkan positif Rapid Test Kit Antigen (RTK-Antigen) pada 23 Julai



Jumlah kes positif di bangunan Parlimen kini 97 kes. (Foto hiasan)

lalu. Kes positif ini didapati bergejala ringan dan diberi Perintah Pengawasan dan Kawalan (HSO) di rumah dan kini sudah pulih serta bekerja selepas tamat HSO.

"Empat lagi kontak rapat bagi kes positif yang disaring ketika persidangan berkenaan, satu daripadanya mempunyai nilai kitaran ambang 19.62, manakala yang lain antara 32.76 dan 36.07.

"Daripada jumlah kes positif itu, enam kes sudah lengkap mendapat dua dos vaksin dan dua lagi kes adalah kanak-kanak (kontak rapat kes) yang belum layak mendapat vaksin," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat lapan sampel kes di Parlimen yang sudah dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk ujian genomik dan lima daripadanya disahkan mempunyai varian Delta, manakala dua lagi

sampel tidak berjaya diproses serta satu sampel masih menunggu keputusan.

Sementara itu, pegawai tinggi kerajaan yang dilaporkan meninggal dunia itu adalah Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Timbalan Menteri Pelancongan, Seni, dan Budaya, Datuk Jaimin Samitah.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Guan Dee Koh Hoi, ketika mengesahkan perkara itu memaklumkan beliau mendapat perkhabaran duka itu daripada keluarga Jaimin pada jam 5 petang, kelmarin.

Koh Hoi amat bersedih dengan pemergian Jaimin dan mengucapkan takjiah kepada keluarganya.

Jaimin yang berasal dari Ranau, Sabah adalah Ahli Majlis Tertinggi Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) Sabah, yang juga Penyelaras Parlimen Ranau.

Hampir 20,000 kes positif dalam tempoh 24 jam

Putrajaya: Seramai 201 pesakit COVID-19 meninggal dunia semalam dengan 87 kematian direkod di Selangor.

Selain itu, 1,096 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 570 orang memerlukan alat bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah pesakit baharu wabak itu ialah 19,991 kes dan semuanya penularan tempatan.

Katanya, pertambahan kes berkenaan menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 1,299,767 kes.

Beliau berkata, enam negeri mencatatkan pertambahan kes empat angka, iaitu Selangor dengan 7,338 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,374), Kedah (1,830), Sabah (1,383), Johor (1,344) dan Kelantan (1,030).

"Selain itu Perak dengan 953 kes, Sarawak (836), Pulau Pinang (743), Melaka (578), Negeri Sembilan (564), Pahang (539), Terengganu (378), Putrajaya (76) dan Perlis (24).

"Hanya Labuan mencatatkan satu kes baharu, sekali gus menjadi wilayah yang melaporkan pertambahan kes terendah," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini sebanyak 230,762 kes masih aktif dengan kebolehtangkitan COVID-19.

Daripada jumlah itu, katanya, 1,096 kes sedang dirawat di ICU dengan 570 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

Mengenai kes baharu semalam, beliau berkata, 98.1 peratus atau 19,606 kes yang dikesan berada dalam kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan.

Katanya, hanya 1.9 peratus bersamaan 385 kes semalam dalam kategori tiga hingga lima, iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen, kritikal dan memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Bagaimanapun, keadaan kes yang dinyatakan itu ketika mereka baru didiagnos dan ada di antaranya kekal berada dalam kategori itu, mahupun berubah status kesihatan, sama ada lebih teruk atau bertambah baik.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 4,632 kes atau 23.2 peratus daripada jumlah kes yang dikesan hari ini (semalam) tidak mempunyai sejarah vaksinasi iaitu 1,313 kes dalam kategori satu, 3,201 kes (kategori dua), 79 kes (kategori tiga), 33 kes (kategori empat) dan enam kes (kategori lima)," katanya.

Mengulas mengenai 201 kes kematian, Dr Noor Hisham berkata, 87 kes dilaporkan di Selangor, manakala Kuala Lumpur

(37), Johor (20), Perak (14), Sabah (12), Pulau Pinang (10), Melaka (lapan), Negeri Sembilan (lima), masing-masing tiga di Kedah dan Sarawak serta dua kes di Terengganu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 29 kluster baharu yang dikesan iaitu 17 dikesan di tempat kerja, komuniti (lapan), kumpulan berisiko (tiga) dan keagamaan (satu).

Katanya, kluster baharu sudah menjangkiti 1,029 kes baharu, iaitu jumlah tertinggi dilaporkan dalam kluster tempat kerja iaitu 703 kes, komuniti dengan 212 kes, kumpulan berisiko (90 kes) dan keagamaan (24 kes).

Beliau berkata, terdapat 16,258 pesakit sembuh semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 ialah 1,057,843 kes atau 81.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Secara keseluruhannya, sebanyak 4,632 kes atau 23.2 peratus daripada jumlah kes yang dikesan hari ini (semalam) tidak mempunyai sejarah vaksinasi

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Terkini COVID-19 16,258 Pulih, dibenar ketur hospital, semalam **19,991** Kes baharu disahkan, semalam **11,162** Jumlah kematian dicatat **1,299,767** Jumlah kes disahkan positif **230,762** kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

19,991 positif virus, catat 201 kematian

Jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 1,299,767

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes positif Covid-19 merekodkan peningkatan semalam dengan 19,991 kes baharu berbanding 17,236 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan keseluruhan kes meningkat kepada 1,299,767.

"Daripada 19,991 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 385 kes (1.9 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak 19,606 kes (98.1 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa Covid-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau me-

rosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 4,632 kes (23.2 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini (semalam) mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor terus merekodkan kes tertinggi dengan 7,338 kes diikuti Kuala Lumpur sebanyak 2,374 kes.

"Kedah merekodkan 1,830 kes, Sabah (1,383 kes), dan Johor (1,344 kes) dan Kelantan sebanyak 1,030 kes.

"Selain itu Perak mencatatkan 953 kes, Sarawak (836 kes), Pulau Pinang (743 kes), Melaka (578 kes), Negeri Sembilan (564 kes), Pahang (539 kes), Terengganu (378 kes), Putrajaya (76 kes), Perlis (24 kes) dan Labuan hanya satu kes," katanya.


Menurutnya, sebanyak 201 kes kematian dilaporkan semalam yang membabitkan 87 kes di Selangor, 37 kes di Kuala Lumpur dan 20 kes di Johor.

"Selain itu, 14 kes di Perak, 12 kes di Sabah, 10 kes di

Pulau Pinang, lapan kes di Melaka, lima kes di Negeri Sembilan, masing-masing tiga kes di Kedah dan Sarawak, dan dua kes di Terengganu.

"Sebanyak 1,096 kes juga dilaporkan

memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dimana 570 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



SEORANG petugas barisan hadapan yang kepenatan bekerja pada cuti umum Maal Hijrah ketika tinjauan di Pusat Pemberian Vaksin Hospital Pakar Al-Islam di Kampung Baru, semalam.

KKM kesan 47 kes varian baharu virus SARS-CoV-2

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengesan 47 kes lagi varian baharu virus SARS-CoV-2 di negara ini hasil kajian dilakukan Institut Penyelidikan Perubatan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semua varian berkenaan dikategorikan sebagai varian membimbangkan (VOC).

"Sebanyak 46 kes dikesan sebagai varian Delta (B.1.617.2) dan satu kes adalah varian Beta (B.1.351).

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai

VOC dan varian mempunyai kepentingan (VOI) adalah sebanyak 667 kes.

"Daripada jumlah yang dikesan berkenaan, 647 kes adalah VOC manakala 20 kes adalah VOI.

"Secara keseluruhan sehingga kini, bagi VOC terdapat sebanyak 209 kes varian Beta, 424 kes varian Delta dan 14 kes varian Alpha manakala bagi VOI terdapat 13 kes varian Theta, empat kes varian Kappa dan tiga kes varian Eta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kadar kebolehhajangan (Rt) di Malaysia adalah 1.06.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Beberapa individu yang langsung tiada latar belakang pendidikan perubatan atau farmasi dikenal pasti aktif menyebarkan 'petua' dan preskripsi haram kaedah memakan pil Ivermectin untuk merawat jangkitan Covid-19.

Preskripsi dihasilkan sendiri itu mengundang kebimbangan berikutan ada pesakit diarah mengambil pil antiparasit dilarang Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu dalam jumlah dos berlebihan.

Sumber KKM berkata, preskripsi itu turut tular di media sosial dan kebanyakannya disebarkan oleh individu yang menjual pil Ivermectin untuk memperolehi keuntungan.

"Golongan individu yang

Ligat sebar 'petua' haram

Individu tiada latar belakang perubatan dikesan sebar kaedah makan pil Ivermectin



Setakat ini siasatan turut mendapati kegiatan penjualan pil Ivermectin turut dilakukan oleh penjawat awam"

Sumber KKM

berlagak umpama 'doktor bertauliah' ini cukup mengherankan berikutan mereka langsung tidak menyalurkan informasi sebenar berhubung kesan buruk akibat pengambilan berlebihan pil

Ivermectin.

"Identiti mereka sudah dikenal pasti oleh KKM berikutan mereka aktif berkongsi testimoni selain menawarkan pil Ivermectin seludup pada harga mencecah ratusan ringgit seketok.

"Ada antara preskripsi disebarkan meminta orang ramai yang mahu mencegah atau mengubati covid-19 supaya mengambil pil Ivermectin setiap pagi selepas sarapan," katanya.

Malah lebih mengusarkan apabila kanak-kanak turut disarankan mengambil pil Ivermectin dalam dos tertentu sedangkan ia tidak pernah disarankan KKM melalui ujian klinikal.

"Malah kami menemui preskripsi menyarankan menggunakan mengambil satu biji pil Ivermectin setiap

minggu selama setahun.

"Setakat ini siasatan turut mendapati kegiatan penjualan pil Ivermectin turut dilakukan oleh penjawat awam. Ia turut dianggap satu perbuatan yang serius berikutan pil ini boleh menyebabkan kerosakan hati dan maut," katanya.

Menurutnya, ramai yang masih keliru dan menuduh KKM menyembunyikan kebaikan pil Ivermectin sedangkan tujuan KKM adalah untuk melindungi rakyat termasuk pesakit Covid-19.

Sebelum ini Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyeru supaya kegiatan penjualan haram ivermectin yang boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan, dihentikan segera.

MPS dan MMA dalam kenyataan bersama berkata, ketika ini pihaknya terkejut dan bimbang dengan penjualan haram secara meluas Ivermectin yang kononnya dapat mencegah jangkitan covid-19.

Katanya, sejak beberapa minggu ini, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang menjalankan penguatkuasaan di seluruh negara berjaya menyita ubat itu yang dijual secara meluas.



Peratusan pemvaksinan di Perlis mampu capai 60% dalam 10 hari

Kangar: Pemberian vaksin kepada rakyat negeri ini mampu mencapai 60 peratus dalam masa 10 hari dalam usaha mencapai Fasa Keempat Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pengerusi Pasukan Petugas Imunisasi Covid-19 (CITF) Perlis, Azman Mohd Yusof berkata, keupayaan itu mampu dicapai dengan syarat jumlah vaksin yang diperuntukkan kepada negeri itu tidak dikurangkan oleh kerajaan Persekutuan.

"Peratusan pemvaksinan ini mampu mencapai kepada 60 peratus dalam masa 10 hari lagi sekiranya kita hendak mencapai Fasa Keempat PPN kerana sasaran kita adalah sekurang-kurangnya 3,000 vaksin diberikan sehari.

"Selain itu, peruntukan



ORANG ramai yang tinggal di sekitar Kuala Perlis menunggu giliran pada Program Vaksinasi Covid-19 Khas tanpa janji temu di sebuah hotel di Kuala Perlis, semalam. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

(vaksin) yang diberikan kepada Perlis juga tidak diubah kerana sekiranya diubah, ia akan merencatkan usaha untuk mencapai sasaran berkenaan," katanya. Beliau berkata demikian selepas meninjau Program

Vaksinasi Khas Covid-19 Kuala Perlis di sebuah hotel di Kuala Perlis, di sini, semalam.

Turut hadir, Penyelaras Pick Perlis, Dr Izwana Hamzah.

Katanya, berdasarkan

Lebih 25 juta dos vaksin diberi setakat kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 25,008,230 dos vaksin Covid-19 sudah diberikan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) setakat kelmarin, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menerusi perkongsian infografik di Twitternya, beliau memaklumkan jumlah yang terima dos pertama ialah 15,959,596 orang manakala 9,048,634 orang terima dos kedua.

"Mengikut peratusan, 68.2 peratus daripada po-

pulasi dewasa negara sudah mendapat dos pertama, manakala 38.7 peratus melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19 mereka," katanya.

Sementara itu, vaksinasi harian mencatatkan 465,793 dos diberikan semalam dengan 187,495 adalah dos pertama manakala 278,298 dos kedua.

Pick dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik Covid-19 di seluruh negara.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Pesakit aktif meningkat kepada 230,762 manakala kes baharu kembali melebihi 19,000 Jumlah kematian lepassi angka 11,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Jumlah kematian akibat Covid-19 dalam negara melepasi angka 11,000 dengan 11,162 kes setakat semalam.

Pesakit yang sedang dirawat dan diasingkan juga terus meningkat melepasi 230,000 dengan 230,762 kes, termasuk 1,096 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 570 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes harian pula kembali melebihi 19,000 dengan 19,991 kes kesemuanya melibatkan kes tempatan, menjadikan jumlah kes positif sebanyak 1,299,767 kes, manakala angka sembuh merekodkan 16,258 kes.

Terdapat 201 kes kematian termasuk 38 warga asing melibatkan 118 lelaki dan 83 wanita serta 34 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) iaitu 13 warga Malaysia dan 21 warga asing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, enam negeri men-



SEORANG penghantar makanan melalui Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur yang lengang semalam kerana masih berada di bawah Fasa Satu Pelan Pemuliharaan Negara (PPN). – MUHAMAD IQBAL ROSLI

catatkan kes empat digit iaitu Selangor sebanyak 7,338 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,374 kes), Kedah (1,830), Sabah (1,383), Johor (1,344) dan Kelantan (1,030). Menurutnya, daripada jumlah

kes harian semalam, sebanyak 385 kes (1.9 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima, manakala 19,606 kes (98.1 peratus) kategori satu dan dua.

"Ini berdasarkan keadaan

klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke

kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 4,632 kes (23.2 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Ujarnya, mengikut status vaksinasi Covid-19, sebanyak 39 kes kategori lima dengan 33 kes atau 84.6 peratus tiada sejarah vaksinasi, manakala 114 kes kategori empat dengan 81 kes atau 71.1 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 232 kes kategori tiga dengan 153 kes (65.9 peratus) tiada sejarah vaksinasi, 9,676 kes kategori dua dengan 6,475 kes (66.9 peratus) tiada sejarah vaksinasi, manakala 9,930 kes kategori satu dengan 8,617 kes (86.8 peratus) tiada sejarah vaksinasi," katanya.

Tambahnya, sebanyak 29 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 17 kluster tempat kerja, lapan kluster komuniti, tiga kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster keagamaan.

Melaka mohon kontena mayat

MELAKA – Kerajaan negeri telah membuat permohonan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menambah sebuah kontena mayat sebagai persiapan menghadapi sebarang kemungkinan peningkatan kes kematian akibat Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, keputusan itu dibuat selepas kapasiti bilik mayat di Hospital Melaka telah mencapai tahap maksimum.

Katanya, setakat ini pusat perubatan itu mempunyai sebuah bilik sejuk yang boleh menempatkan sebanyak 26 jenazah membabitkan kes Covid-19.

"Dua minggu lalu, kita telah memohon dengan KKM untuk menambah sebuah lagi kontena bilik sejuk untuk menempatkan mayat pesakit Covid-19 di Hospital Melaka.

"Langkah ini dibuat selepas mendapati kapasiti kontena sedia ada telah mencapai tahap penggunaan maksimum, sebagai contoh baru-baru ini sebanyak 22 daripada keseluruhan 26 ruang peti sejuk telah penuh dan hanya berbaki empat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Kampung Bukit Nibong di sini semalam.

Tambahnya, kontena yang dimohon akan diletakkan di



CONTOH kontena yang dijadikan tempat simpanan Jenazah pesakit Covid-19. – GAMBAR HIASAN

Jabatan Forensik Hospital Melaka dan dijangka mampu menempatkan sebanyak 20 mayat pada satu-satu masa.

Ujarnya, beberapa hari selepas membuat permohonan pihaknya turut dihubungi individu perseorangan menyatakan hasrat untuk menyumbangkan sebuah kontena mayat bagi kegunaan hospital terbabit.

"Sudah pasti kita akan menerimanya walaupun setakat ini keperluan kita hanyalah sebuah sahaja lagi kontena mayat," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kini kerajaan negeri juga telah membenarkan operasi pusat pembakaran mayat bukan Islam dilanjutkan dari pukul 4.30 petang sehingga 10 malam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tindakan tegas pihak palsukan sijil vaksinasi

KKM, penguat kuasa akan guna kaedah sesuai untuk semakan bagi memastikan ketulenannya

Oleh SAIFULLAH AHMAD

BAGAN SERAI

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati memalsukan sijil digital vaksinasi kononnya sudah lengkap menerima vaksin bagi mendapatkan kelonggaran.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, pihaknya memandang serius perbuatan menipu untuk mendapatkan kelonggaran seperti merentas daerah dan negeri dengan sijil vaksinasi digital palsu tersebut.

Bagi memastikan perkara tersebut tidak berlaku, katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) akan menggunakan pelbagai kaedah sesuai bagi mengesan penipuan sijil vaksinasi dengan tindakan sewajarnya.

“Saya amat kesal ada orang yang cuba menipu. Sepatutnya kita kena jujur dengan urus-



Dr Noor Azmi (kanan) memberi suntikan vaksin kepada seorang warga pendidik ketika hadir program Vaksinasi Berpusat Warga Pendidik dan Sokongan di Dewan Ibnu Khaldum SMK Abu Bakar Al-Baqir, Bagan Serai pada Selasa.

an seharian kita.

“Kementerian Kesihatan dan penguat kuasa akan lebih berhati-hati untuk membuat semakan bagi me-

mastikan ketulenannya,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Vaksinasi Berpusat Warga Pendidik dan Sokongan di Dewan Ibnu Khaldum Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Abu Bakar Al-Baqir di sini pada Selasa.

Sementara itu, mengenai pemilik dan pekerja restoran yang masih belum menerima vaksin, beliau menyarankan agar mereka segera mendapatkannya terlebih dahulu sebelum membenarkan pelanggan makan di dalam restoran.

“Kita perlu risau walaupun semua seronok sebab sudah lama tak makan di kedai. Selepas makan, jangan duduk lama-lama dalam kedai,” katanya.

**MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

19,991 kes baharu dilaporkan

Menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti Covid-19 melebihi 1.2 juta kes

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 19,991 kes baharu positif Covid-19 pada Selasa menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 1,299,767 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor kekal mencatatkan kes

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

tertinggi dengan 7,338 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,374), Kedah (1,830), Johor (1,344), Sabah (1,383), Kelantan (1,030) dan Perak (953).

Selain itu, katanya, Sarawak merekodkan sebanyak 836 kes, diikuti Pulau Pinang (743), Melaka (578), Negeri Sembilan (564), Pahang (539),

Terengganu (378), Putrajaya (76), Perlis (24) dan satu kes di Labuan.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 385 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala sebanyak 19,606 kes lagi membabitkan kategori satu dan dua.

"Secara keseluruhan, hanya 4,632 kes daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi Covid-19," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM mencatatkan sebanyak 16,258 kes sembuh menjadikan jumlah keseluruhannya ialah 1,057,843 kes.

Bagaimanapun, ujar beliau terdapat 201 kes kematian berkaitan Covid-19 dan 163 kes adalah rakyat tempatan dan 34 warga asing.

"Sebanyak 201 kes kematian pada hari ini yang melibatkan 87 kes di Selangor, 37 kes di Kuala Lumpur, 20 kes di Johor,



DR NOOR HISHAM

14 kes di Perak, 12 kes di Sabah, 10 kes di Pulau Pinang.

"Lapan kes kematian di Melaka, lima kes di Negeri Sembilan, masing-masing tiga kes di Kedah dan Sarawak, dan dua kes di Terengganu," ujarnya.

Beliau memberitahu, terdapat 230,762 kes aktif di seluruh negara termasuk 1,096 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

Jelasnya, sebanyak 570 kes pula memerlukan bantuan pernafasan.


Beliau berkata lagi, kajian Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah mengenalpasti sebanyak 47 kes varian baharu virus SARS-CoV-2 iaitu 46 kes varian Delta dan satu kes varian Beta.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai *Variant of Concern* (VOC) dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak 667 kes.

"Daripada jumlah yang di kesan tersebut, 647 kes ialah VOC manakala 20 kes adalah VOI," jelasnya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



- Kategori 1**
Tanpa gejala
- Kategori 2**
Gejala ringan
- Kategori 3**
Jangkitan paru-paru
- Kategori 4**
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5**
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPMR Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 10 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,299,767	1,057,843	1,096	11,162	19,991	25,008,230

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes naik semula, hampir 20,000

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Belum sempat hendak menarik nafas lega apabila kes Covid-19 turun selama tiga hari berturut-turut, kes positif harian meningkat semula semalam menghampiri 20,000 kes apabila 19,991 kes dilaporkan dengan 201 kematian.

Selepas mencatatkan angka tertinggi 20,889 kes pada Jumaat lalu dan menurun kepada 17,236 kes kelmarin, harapan untuk melihat angka itu terus turun nampaknya tidak menjadi kenyataan.

Walaupun tidak mencecah 20,000 kes tetapi kekurangan hanya sembilan kes menunjukkan Malaysia masih jauh dari landasan pemulihan.

Semenjak 23 Julai kecuali pada 26 Julai, angka positif Covid-19 baharu tidak pernah turun di bawah 15,000 kes, menjadikan kes keseluruhan kini mencapai 1,299,767 kes dengan 230,762 kes aktif di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes aktif itu, 1,096 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 570 memerlukan bantuan pernafasan dalam tempoh 24 jam lalu.

Katanya, 29 kluster baharu



PASANGAN suami isteri menunjukkan sijil digital vaksin Covid-19 ketika melalui sekatan jalan raya di Kampung Dew, Bagan Serai untuk merentas ke Daerah Larut Matang Selama semalam. - UTUSAN/ WAT KAMAL ABAS

dengan 17 kluster tempat kerja, lapan kluster komuniti, tiga kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster keagamaan juga direkodkan semalam

"Malaysia mencatatkan sedikit peningkatan kes positif Covid-19 iaitu 19,991 kes berbanding kelmarin dengan angka kematian semalam sebanyak 201 kes," jelas beliau dalam kenyataan semalam.

Selangor terus menjadi penyumbang terbesar apabila merekodkan sebanyak 7,338

kes diikuti Kuala Lumpur (2,374), Kedah (1,830) dan Johor (1,344).

Yang merisaukan ialah negeri-negeri fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang kini diberi kelonggaran dalam beberapa aktiviti dilihat mencatatkan angka yang tinggi.

Sabah merekodkan 1,383 kes baharu, Kelantan (1,030), Perak (953), Sarawak (836), Pulau Pinang (743), Pahang (539) dan Terengganu (378) manakala Perlis 24 kes.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

19,991 CASES

DAILY CASES RISE AGAIN AFTER DROP

All new infections locally transmitted, of which 82.9 per cent of patients are Malaysians

KUALA LUMPUR

THE daily infection number of Covid-19 cases in the country has risen to 19,991 yesterday compared with 17,236 cases on Monday.

This brought the nation's cumulative figure to 1,299,767.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were currently 230,762 active cases in the country.

All new infections were locally transmitted, of which 16,563 or 82.9 per cent of the patients were

locals, and 3,428 or 17.1 per cent were foreigners.

"Of the 19,991 daily cases reported today (yesterday), 385 or 1.9 per cent are in Category 3, 4 and 5. The other 19,606 cases or 98.1 per cent are in Category 1 and 2.

"This is based on the preliminary clinical diagnosis of the Covid-19 cases.

"Some cases remained in the same category throughout the infection period, while some have transitioned into others, depending on whether their condition improved or worsened," he said in a statement.

Overall, he said there were 4,632 cases only, or 23.2 per cent of the reported cases, which had a history of Covid-19 immunisation.

Of the 39 cases in Category 5, 33 of the patients had been vaccinated, while 81 of the 114 category 4 Covid-19 patients had received their vaccination.

In Category 3, 153 out of 232



People undergoing swab tests for Covid-19 infection during a screening programme at Dewan Batu Lanchang in George Town on Monday. PIC BY MIKAIL ONG

patients had been vaccinated, while 6,475 (out of 9,676 cases) and 8,617 out of 9,930 in Category 2 and 1, respectively, had received their vaccines.

Selangor recorded the highest daily cases with 7,338 infections (overall 478,093), followed by Kuala Lumpur (2,374 cases), Kedah (1,830), Sabah (1,383) and Johor (1,344).

Meanwhile, Labuan only reported one infection, bringing the Federal Territory's cumulative cases to 9,720.

There were 16,258 recoveries recorded nationwide yesterday, bringing the cumulative figure to 1,057,843, or 81.4 per cent, of overall cases.

"We have 1,096 cases being treated in the Intensive Care Unit (ICU), with 570 of them on ventilator support."

He said 201 Covid-19 deaths were recorded yesterday, bringing the tally to 11,162 or 0.86 per cent of the cumulative number, with 163 of them being Malaysians, 38 foreigners; and 34 brought in dead or B.I.D. cases (13 Malaysians and 21 foreigners).

Perlis registered the highest infectivity rate (Rt) at 1.33, while the national average Rt was 1.06 on Monday.

Dr Noor Hisham said 47 new variants of concern (VOC) were identified, of which 46 were of the Delta variant (B.1.617.2) and

one Beta variant (B.1.351).

"This brings the cumulative SARS-CoV-2 infections categorised as VOC and variant of interest (VOI) to 667 cases, with 647 of them in the former category."

"Overall, 209 Beta variant cases were reported, (followed by) 424 Delta and 14 Alpha (cases), while VOI detected were Theta (13 cases), Kappa (four) and Eta (three)."

To date, 4,003 clusters were detected in the country, of which 1,238 clusters were active and 2,765 others had ended.

Of the 29 new clusters, 17 were linked to the workplace, eight in the community, three from high-risk groups and one from a religious event.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

60% of nationwide deaths recorded in Klang Valley

68% M'sians received first dose

KUALA LUMPUR: A total of 25,008,230 doses of the Covid-19 vaccine have been administered through the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK) as of Monday, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said of the total, 15,959,596 individuals received their first dose while 9,048,634 people got their second dose.

"In terms of percentage, 68% of the country's population has

received the first dose of the vaccine, while 38.7% has completed both doses of the vaccination," he said.

On the daily vaccination rate, Dr Adham said 465,793 doses were administered on Monday, with 187,495 as the first dose and 278,298 the second dose.

PICK was launched on Feb 24 to contain the Covid-19 pandemic which hit the country early last year. — Bernama

PETALING JAYA: More than 60% or 124 of the 201 new Covid-19 fatalities recorded nationwide are from the Klang Valley, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said 87 were from Selangor and 37 from Kuala Lumpur.

He noted that Johor had 20 deaths while Perak had 14, Sabah 12, Penang 10, Melaka eight, Negri Sembilan five, Kedah and Sarawak three each and Terengganu two.

He said 38 were foreigners while 34 fatalities involved victims who were brought in dead, comprising 13 locals and 21 foreigners.

Dr Noor Hisham also said 29 new


clusters were detected yesterday, bringing the number of active clusters in the country to 1,238.

A total of 19,991 new Covid-19 cases were reported yesterday, comprising 16,563 Malaysians and 3,428 foreigners.

Meanwhile, 1,096 patients were in intensive care, with 570 on ventilator support.

On a separate matter, Dr Noor Hisham said nine more Covid-19 cases linked to the recent special Parliament sitting were detected, bringing the total cases to 97.

He said analysis by the Institute for Medical Research on eight samples revealed that five were from



the Delta variant.

Dr Noor Hisham said Datuk Jaimin Samitah was the first fatality linked to the special sitting.

He said Jaimin had initially tested negative using an RTK-Ag self-test kit on July 29 but developed symptoms on July 31 where an RT-PCR test confirmed he was infected.

"His condition deteriorated and he was hospitalised on Aug 4. He

passed away on Aug 9," he said.

Jaimin was a special officer to Datuk Guandee Kohoi and had accompanied the Deputy Tourism, Arts and Culture Minister during the Parliament sitting from July 26 to 29.

Watch the video
[TheStarTV.com](https://www.thestar.com.my)



Another 180 issued compounds for violating SOP

PETALING JAYA: Another 180 people were issued compounds and 21 remanded for violating Covid-19 standard operating procedure, says Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

The Senior Minister, in his daily press statement, revealed yesterday that 60 premises including factories,

commercial buildings, construction sites and foreign worker dormitories were ordered closed for failing to comply with SOP on Monday.

He said 12 illegal immigrants were also arrested under *Ops Benteng*, while 557 individuals were ordered into quarantine.

Meanwhile, 11 more localities in Sabah have been placed under enhanced movement control order, including three in Kota Kinabalu.

The other localities are in Kota Belud, Papar, Putatan, Penampang, Ranau, Sipitang and Tawau.

Hishammuddin said Felda Jengka

25 in Temerloh, Pahang, was also placed under the enhanced MCO from Aug 12 until Aug 25.

He also announced that the enhanced MCO in six areas in Kota Kinabalu, along with one each in Maran, Pahang, and Tanah Merah, Kelantan, would be extended until Aug 25.